

NOVEMBER  
2021

Aspirasi  
Kegemilangan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknpp.gov.my](http://www.pknpp.gov.my)

## KDYMM SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI Pengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tenun Pahang DiRaja



Mesyuarat diadakan di Kompleks Pengembangan Tenun Pahang DiRaja, Kuantan Soi, Kuantan

Kuantan, 18 November - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah

Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj telah berkenan untuk mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tenun Pahang DiRaja Bil 1/2021 pada hari ini jam 2.30 petang di Kompleks Pengembangan Tenun Pahang DiRaja, Kampung Soi, Kuantan.

Turut hadir bersama mesyuarat ini adalah Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar; Ketua Pegawai Operasi Realistic Attraction Sdn. Bhd., Puan Noraini binti Misran, serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan hala tuju industri tenun terutamanya Tenun Pahang DiRaja dalam memacu industri tenun yang lebih berkualiti, serta mendapat tempat di mata dunia.

## YAB. MENTERI BESAR RASMI MAJLIS PENYERAHAN KUNCI KEDAI DESA RAKYAT KUALA KERDAU

Temerloh, 2 November - Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail telah merasmikan majlis penyerahan kunci Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdau baru - baru ini.

Pada majlis ini 6 penyewa telah menerima replika kunci daripada YAB. Menteri Besar sebagai simbolik penyerahan kedai - kedai yang berada bersebelahan dengan Dewan Terbuka Sri Ketumbit, Kerdau ini.

Kedai-kedai ini bakal menyediakan perkhidmatan percetakan, alat komunikasi, dobi, kafe dan perkhidmatan penyelenggaraan komputer.

Diharapkan dengan terbinanya kedai ini akan meningkatkan pendapatan penyewa dan dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Hadir sama dalam majlis ini adalah Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Pahang merangkap Adun Kerdau, Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Setiausaha Perbadanan, Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin dan Pengurus-Pengurus Bahagian yang terlibat.



Penyerahan replika kunci oleh YAB. Menteri Besar Pahang kepada salah seorang penyewa



## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP RASMI MPIA ROADSHOW 2020-2021



Encik Mohd Faizal bersama - sama dengan Presiden MPIA, Encik David Chong

Kuantan, 16 November - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar merasmikan Malaysia Photovoltaic Industry Association (MPIA) ROADSHOW 2020 - 2021 pada pagi ini di AC Hotel by Marriott, Kuantan.

Program ini dianjurkan oleh Malaysia Photovoltaic Industry Association (MPIA) dan dijayakan dengan kerjasama Malaysia Investment Development Authority (MIDA), Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia dan Suruhanjaya Tenaga.

Beliau berkata, teknologi photovoltaic yang menjana tenaga elektrik dari cahaya matahari ini adalah satu mekanisme alternatif yang terkini.

Teknologi solar adalah salah satu sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan menjadi tumpuan kerajaan ketika ini.

Malah, kerajaan Negeri Pahang turut mempromosikan industri solar di Negeri Pahang. Pada Ogos 2021, PKNP melalui anak syarikat RT Development Engineering Sdn. Bhd. telah menandatangani perjanjian bersama KPower Berhad untuk membangunkan projek ladang solar seluas 230 ekar di Pekan, Pahang Darul Makmur.

Projek dengan nilai pelaburan RM 160 juta ini dijangka siap pada awal 2023 dan akan menghasilkan 50 juta megawatt kuasa solar.

Turut hadir Presiden MPIA, Encik David Chong dan Pengurus Perindustrian PKNP, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar turut mengadakan lawatan ke booth-booth pameran

## KUNJUNGAN HORMAT MIDA KE ATAS KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP

Kuantan, 29 November - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menerima kunjungan hormat daripada delegasi Malaysia Investment Development Authority (MIDA) pada hari ini di Bilik Lembaga, Tingkat 16, Kompleks Teruntum.

Kunjungan hormat ini diketuai oleh Timbalan Pengarah Kanan MIDA, Encik Syed Kamal Muzaffa bin Syed Hassan Sagaff manakala Bursa Malaysia diwakili oleh Encik Muhd Farrish bin Ishak, Naib Presiden Pembangunan Terbitan dan Pasaran Sekuriti.

Kedatangan MIDA adalah bagi memperkenalkan inisiatif terbaru yang dinamakan 'Domestic Investment Coordination Platform (DICP) yang bertujuan untuk memudahkan urusan pelaburan pejabat tempatan seiring dengan kemajuan syarikat - syarikat multinasional yang lain.

Turut hadir, Pengurus Perindustrian, Tuan Hj Md Daud bin Abdul Rahman dan Penolong Pengurus Perindustrian Puan Dhaleazafarina binti Md. Zabani.



Jalinan kerjasama PKNP dan pemain industri terus diperkukuhkan dengan kunjungan hormat dan lawatan daripada MIDA



## PROGRAM DERMA DARAH DAN PEMERIKSAAN KESIHATAN RAIH SAMBUTAN MENGGALAKKAN

Kuantan, 25 November - Program Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan yang dianjurkan oleh Kelab Keluarga Kumpulan PKNP & PUSPANITA PKNP telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada anggota pekerja PKNP dan orang awam.

124 orang direkodkan hadir menderma darah dan menyumbang kepada Tabung Darah HTAA berbanding jangkaan penderma darah seramai 80 orang.

Malah kehadiran yang memberangsangkan juga direkodkan iaitu seramai 157 orang.

Kelab Keluarga Kumpulan PKNP & PUSPANITA PKNP ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada yang hadir dan yang telah menderma darah.

Tidak dilupakan kepada kakitangan Unit Tabung Darah HTAA dan Kuantan Medical Centre yang telah bersama - sama menjayakan program ini.



Pengerusi Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Pengerusi PUSPANITA PKNP, Puan Zuhaira binti Zainuddin bersama - sama ahli jawatankuasa yang lain turun padang menjayakan program Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan

## SELAMAT HARI DEEPAVALI

Deepavali dirayakan pada bulan baru bernama 'aippasi' pada bulan Oktober dan November. Deepavali bermaksud 'sebarisan pelita'. Dengan memasang pelita, mereka percaya bahawa kecerahan mengatasi kegelapan dan kebaikan mengatasi kejahatan.

Selamat Menyambut Pesta Cahaya.

Selamat Menyambut

# Hari Deepavali

Ikhlas Daripada,

Pengerusi,  
Ahli Perbadanan, Pengurusan,  
dan Warga Kerja PKNP



# YEAR END SALE 2021

TAMAN SAUJANA UTAMA

DISKAUN SEHINGGA  
**RM28,888**

1 OKTOBER 2021 - 31 JANUARI 2022

✔ Sedia Untuk Didiami ✔ Percuma Yuran Guaman

KUNJUNGI PEJABAT JUALAN KAMI

No. 6 Lorong SU 1/7 | Jumaat - Ahad | 8.00 pagi - 5.00 petang



LOKASI STRATEGIK

- ✔ 0.6km daripada Masjid Tengku Mahkota Abdullah
- ✔ 3km daripada Bandar Jerantut
- ✔ 4km daripada Hospital Jerantut

UNTUK MAKLUMAT LANJUT:

011 11465 748 (HASRI) 013 9393 592 (AMIN) | 09 565 8592 | 09 565 8593

www.pkn.gov.my





## AKU JANJI EKSEKUTIF PELATIH



## DERMA DARAH & PEMERIKSAAN KESIHATAN



### *Sidang Redaksi*

**PENAUNG / PENASIHAT**  
Encik Mohd Faizal bin Jaafar  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**PENYELARAS PENERBITAN**  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

**KETUA EDITOR**  
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

**GRAFIK**  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli  
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

**JURUFOTO**  
Encik Saiful Azli bin Yahia  
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

Firman Allah S.W.T : "Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)